

**AMALAN PENGAJARAN GURU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
QIRĀ'ĀT 'ILM DI MALAYSIA: KAJIAN DI DARUL QURAN DAN MA'AHAD  
TAHFIZ AL-QURAN NEGERI (DQ DAN MTQN)**

Zainora Daud<sup>1</sup>, Shaharuddin Saad<sup>2</sup>  
Muhammad Fairuz A.Adi<sup>3</sup>, Phayilah Yama<sup>4</sup>

[zainora@kuis.edu.my](mailto:zainora@kuis.edu.my)<sup>1</sup>, [shaharuddin@kuis.edu.my](mailto:shaharuddin@kuis.edu.my)<sup>2</sup>,  
[fairuz@kuis.edu.my](mailto:fairuz@kuis.edu.my)<sup>3</sup>, [phayilah@kuis.edu.my](mailto:phayilah@kuis.edu.my)<sup>4</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

**ABSTRAK**

Amalan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan mampu melahirkan pelajar yang cemerlang di dalam akademik. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk amalan yang kerap digunakan guru-guru *qirā'āt* dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran *Qirā'āt 'Ilm* di dalam kelas. Responden kajian ini terdiri daripada 46 orang guru di 10 buah institusi pengajian tahfiz di bawah JAKIM. Pengkaji menganalisis kajian ini dengan menggunakan peratusan, min dan sisihan piawai dan data kajian ini dianalisis berdasarkan *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 20.0. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif bersifat deskriptif melalui kaedah tinjauan semasa dengan menggunakan metode soal selidik lima pilihan berskala *likert*, temu bual semi semi struktur dan pemerhatian. Kesemua instrumen pengutipan data telah disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara amalan yang sering digunakan oleh pensyarah dalam proses p&p *Qirā'āt 'Ilm* ialah item meminta pelajar menghafaz matan-matan *Qirā'āt* ( $\text{min}=4.54$ ,  $\text{sp}=0.50$ ) dengan responden amat kerap 54.3% dan kerap 45.7%, kaedah soal jawab dalam pengajaran *Qirā'āt 'Ilm* ( $\text{min}=4.52$ ,  $\text{sp}=0.50$ ) dengan responden amat kerap 52.2% dan kerap 47.8%, item kaedah pembentangan ( $\text{min}=4.52$ ,  $\text{sp}=0.50$ ) dengan responden amat kerap setuju 52.2% dan setuju 47.8% dan kaedah kuliah dan syarahan dalam pengajaran *Qirā'āt 'Ilm* ( $\text{min}=4.43$ ,  $\text{sp}=0.50$ ) dengan peratus responden pensyarah yang menyatakan amat kerap 43.5% dan kerap 56.5%. Kesimpulannya menunjukkan min keseluruhan item ialah 4.40 dan sisihan piawai 0.53 iaitu berada pada tahap tinggi, tetapi min bagi kekerapan penggunaan ABM dalam p&p ialah 2.66 dan sisihan piawai 0.98 berada pada tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan

bahawa amalan pengajaran guru-guru Qirā'āt 'Ilm di DQ dan MTQN berada di tahap yang baik tetapi memerlukan penambahbaikan di dalam penggunaan alat-alat bantu mengajar *qirā'āt* supaya amalan pengajaran yang berkualiti dapat membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan interaktif, secara tidak langsung mampu meningkatkan minat para pelajar di dalam pendidikan Qirā'āt 'Ilm .

**Kata Kunci:** Amalan Pengajaran, Qirā'āt 'Ilm, Darul Quran, Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri

## 1.0 PENDAHULUAN

Guru memainkan peranan yang amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Sehubungan dengan itu, amalan pengajaran guru yang berkesan menjadi salah satu faktor kejayaan di dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dan seimbang di dunia dan akhirat sejarah dengan tuntutan al-Quran dan al-Sunnah. Ini bermakna untuk mewujudkan pendidikan yang berkesan (Mohd Yusof Ahmad, 2005) guru perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam serta mengetahui kaedah penyampaian dan kemahiran dari segi teknik penyampaian pengajaran yang mampu menarik perhatian pelajar. Malahan guru yang dianggap cemerlang apabila guru tersebut berupaya memahami isi kandungan yang diajar, mempelbagaikan kaedah serta aktiviti pengajaran dan menggunakan mempunyai kemahiran menggunakan alat bantu mengajar (ABM) yang pelbagai dan menarik. Ab.Halim Tamuri (2011), antara ciri profesional seorang guru ialah mempunyai pengetahuan yang mendalam serta kecekapan dan kepakaran dalam bidang pendidikan.

Dalam sistem pendidikan *qirā'āt*, amalan *talaqqī* dan *mushāfahah* dengan keadaan guru membaca pelajar mendengar dan guru mendengar pelajar membaca adalah amalan yang paling popular diamalkan. Ini disokong dengan kajian (Abd Rahman, 2012) dan (Zainora, 2012) kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* merupakan kaedah yang sering digunakan dalam pendidikan *qirā'āt*. Ini bertepatan dengan Al-Zarkashī (1972), menjelaskan bahawa pengajian *qirā'āt* hanya terhasil dengan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* iaitu *al-sim' wa al-mushāfahah* kerana ia adalah sesuatu yang tidak boleh dihukumkan kecuali melalui pendengaran dan *mushāfahah*.

Pengajian *qirā'at* di zaman Rasulullah merupakan satu permulaan bagi perkembangan pengajian *qirā'at*. Rasulullah bertalaqqī al-Quran dan *al-Qirā'āt* melalui malaikat Jibril semasa proses penurunannya. Rasulullah memelihara al-Qur'an dengan menggunakan metodologi hafazan, baginda sentiasa bertadarus al-Qur'an setiap bulan ramadhan sebanyak sekali setahun kecuali pada tahun terakhir kewafatan baginda sebanyak dua kali setahun. Para sahabat bertalaqqī al-Qur'an daripada Rasulullah dengan cara hafazan bukan berdasarkan dokumentasi tertulis sama ada berbentuk *ṣuhuf* atau *muṣḥaf* (Ibn al-Jazarī, 2002).

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

DQ merupakan sebuah pusat pengajian tinggi yang berfungsi sebagai pusat induk program pengajian Tahfiz al-Qur'an dan al-Qiraat di peringkat sijil, diploma dan diploma lanjutan serta sebagai perancang, penggubal dan pelaksana kurikulum dalam bidang pengkhususan tahfiz al-Qur'an dan *Qirā'āt* kepada seluruh Ma'ahad Tahfiz al-Qur'an Negeri yang terlibat dalam semua hal-hal yang berkaitan akademik, kurikulum, peperiksaan serta pengajaran dan pembelajaran. (Darul Quran, 2005).

Pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* telah mula dilaksanakan sejak program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM diperkenalkan di DQ pada tahun 1966 serta di Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri sejak tahun 1980an hingga 2011 dengan melalui pelbagai fasa pemurnian dan penambahbaikan daripada satu subjek *Qirā'āt* sehingga tujuh subjek *Qirā'āt* yang terbahagi kepada Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali sejak tahun 1984 sehingga kini (Darul Quran, 2012; Zainora, 2014).

Pengajian Program Diploma Tahfiz al-Qur'an dan al-Qiraat, JAKIM yang dijalankan di DQ dan MTQN mengikut semester iaitu tempoh minimum selama 6 semester iaitu tiga tahun dan tempoh maksimum selama 8 semester iaitu empat tahun. Pelajar-pelajar yang mengikuti program ini akan melalui tiga komponen kursus iaitu kursus penggajian teras, penggajian umum dan shu'bah qirā'āt (Darul Quran, 2007).

Pengajian shu'bah qirā'āt menawarkan semua subjek *qirā'āt*, antaranya subjek Qirā'āt 'Ilm yang terbahagi kepada tiga subjek iaitu Asas Qirā'āt 'Ilm , Qirā'āt 'Ilm I dan Qirā'āt 'Ilm II yang dipelajari pada semester satu, tiga dan empat. Subjek Qirā'āt 'Ilm memberi pendedahan asas-asas ilmu *qirā'āt* secara teori dan penggunaan istilah-istilah *qirā'āt*, memberi kefahaman kepada pelajar tentang *qirā'āt* lain selain *qirā'āt riwāyah Hafş* serta berkemampuan mempraktikkannya, dan mempelajari bab *farsh al-Hurūf* surah al-Baqarah dan surah ali 'Imran, surah al-Nisa', al-Ma'idah, al-'An'am, al-'A'raf, al-Anfal dan al-Taubah (Darul Quran, 2010).

Hasil pembelajaran bagi subjek Asas Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt 'Ilm I hingga Qirā'āt 'Ilm III, para pelajar mampu memahami asas *Qirā'āt* Tujuh, mahir membezakan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh al-Hurūf*, menguasai istilah-istilah penting dalam pengajian *qirā'āt*, memahami terdapat Qirā'āt Sepuluh serta menghafaz *matan-matan* Qirā'āt Shaṭībiyyah dan menguasai teori *matan* al-Shaṭībī

dan al-Jazarī daripada *bāb al-Isti’ādhah* dan *al-Basmalah* sehingga *bāb Farsh Ḥurūf* dari surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah (Darul Quran, 2010).

Kitab rujukan utama yang digunakan dalam p&p Qirā’āt ‘Ilm ialah Kitab Matan al-Shāṭibiyah al-Musammā Ḥirz al-‘Amānī wa Wajh al-Tahānī fī al-Qirā’āt al-Sab’ yang ditulis oleh al-Imam al-‘Allāmah al-Qāsim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad al-Shāṭibī al-Ru’aynī al-Andalūsī dan kitab Taqrīb al-Ma’ānī fī Sharh Ḥirz al-‘Amānī fī al-Qirā’āt al-Sab’ yang ditulis oleh Sayyid Lāshīn dan Khālid Muḥammad al-Ḥāfiẓ (Darul Quran, 2010).

### **3.0     OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif dalam kajian ialah untuk:

- a) Mengenalpasti silibus Qirā’āt ‘Ilm yang dipelajari.
- b) Mengetahui latarbelakang guru-guru.
- c) Mengenal pasti bentuk-bentuk amalan yang kerap digunakan guru-guru *qirā’āt*.
- d) Mencadangkan langkah-langkah yang boleh meningkatkan tahap amalan pengajaran dalam Qirā’āt ‘Ilm.

### **4.0     METODOLOGI**

#### **4.1     Sampel dan metod pengumpulan data**

Pensyarah *Qirā’āt* yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Qirā’āt ‘Ilm dalam Diploma Tahfiz al-Quran di Darul Quran dan Ma’ahad Tahfiz al-Quran Negeri kerana mereka terlibat dengan pendidikan Qirā’āt dan mempunyai maklumat di dalam bidang pendidikan Qirā’āt di DQ dan MTQN. Seramai 46 orang pensyarah yang dipilih menjadi responden kajian ini yang terlibat dengan pengajaran *qirā’āt*. Sebanyak 46 set soalselidik diedarkan sendiri oleh pengkaji terhadap pensyarah yang telah disetkan oleh pihak pentadbiran DQ dan MTQN selepas mendapat kebenaran daripada pihak JAKIM serta pentadbiran DQ dan MTQN, begitu juga selepas mendapat persetujuan temujanji antara pensyarah yang terlibat.

#### **4.2 Instrumen**

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik kerana ia bersesuaian dengan keadaan tinjauan. Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik jawapan dipilih. Dalam kajian ini penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis *Likert* lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Skala *Likert* adalah sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap (Cohen, 1989). Dalam instrumen kajian ini, responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu nombor dari 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (5).

Bagi menentukan kesahan dalam soal selidik telah dirujuk kepada tujuh orang yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang pendidikan *qirā'āt* dan penyelidikan. Manakala kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik ini, satu analisis data telah dilakukan untuk mendapatkan nilai *alpha Cronbach*. Didapati instrumen soal selidik pensyarah ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai *alpha Cronbach* ialah 0.92. Ini satu petunjuk yang baik tentang kebolehpercayaan instrumen tersebut dalam mengukur item-item yang hendak diukur.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Stufflebeam (1971).

Penyelidik juga mengumpulkan data kualitatif melalui satu set temu bual semi struktur kalangan responden yang dipilih juga berasaskan persampelan *purposive* yang mana responden adalah pensyarah yang berpengalaman dan yang bersedia untuk memberikan kerjasama yang baik dalam kajian ini seramai 18 orang. Pengkaji juga melakukan pemerhatian tidak turut serta dalam kajian ini. Temu bual ini juga membantu penyelidik dalam menyokong dan memperdalamkan beberapa data yang diperolehi dalam soal selidik dan pemerhatian. Menurut Mohd Majid

Konting (2009), bahawa penggunaan kaedah temubual ini sangat praktikal digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada populasi yang kecil.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

### 5.1 Analisis Profil Responden

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan menjelaskan profil responden, manakala bahagian kedua akan menjelaskan tentang dapatan amalan pengajaran dalam p&p Qirā'āt ‘Ilm dalam kajian ini. Kesemua guru yang menjadi responden kajian ini ialah tenaga pengajar yang terlibat dengan p&p pendidikan Qirā'āt ‘Ilm di DQ dan MTQN. Dapatan kajian profil pensyarah *Qirā'āt* meliputi maklumat nama institusi, jantina, umur, tahap pengajian, pengalaman mengajar, kekerapan menghadiri kursus, tugas utama berkaitan ilmu *Qirā'āt* dan anugerah yang pernah diperolehi. Kesemua dapatan ini boleh dilihat dalam jadual 2.

Jadual 1: Bahagian A Latar Belakang Guru DQ dan MTQN

<b>Item</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Nama Institusi / Ma’ahad	DQ	16	34.8%
	MTQN	30	65.2%
Jantina	Lelaki	41	89.1%
	Perempuan	5	10.9%
Umur	> Kurang 25 tahun	2	4.3%
	25 – 35 tahun	26	56.5%
	36 – 45 tahun	8	17.4%
	< 45 tahun	10	21.7%
Tahap Pengajian	Sijil Perguruan	1	2.2%
	Diploma	46	100%

	Diploma Perguruan	1	2.2%
	Sarjana Muda	44	95.7%
	Sarjana Muda KPLI	1	2.2%
	Sarjana	2	4.3%
	PhD	0	0%
Pengalaman Mengajar	Kurang 5 tahun	22	47.8%
	5 - 10 tahun	10	21.7%
	11 – 15 tahun	7	15.2%
	16 - 20 tahun	4	8.7%
	Lebih 21 tahun	3	6.5%
Anugerah yang pernah diperolehi	<i>Sanad</i> (ijazah) bacaan al-Quran ( <i>Riwayat Hafs an 'Asim</i> )	35	76.1%
	<i>Sanad</i> (ijazah) bacaan al-Quran (bacaan Qirā'āt selain <i>Riwayat Hafs an 'Asim</i> )	19	54.3%
	Tiada Sanad	11	23.9%

---

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Berdasarkan jadual 1 di atas, Daripada 46 orang guru yang mengajar Qirā'āt 'Ilm di DQ dan MTQN, 34.8% adalah daripada DQ dan 65.2% adalah daripada MTQN. Ini menunjukkan guru di MTQN lebih ramai berbanding DQ kerana MTQN terlibat dengan 9 buah institusi.

Dari aspek jantina pula, terdapat 89.1% adalah guru lelaki dan 10.9% adalah guru perempuan. Ini juga jelas menunjukkan bahawa guru lelaki lebih dominan daripada guru perempuan yang melaksanakan kurikulum Qirā'āt di DQ dan MTQN.

Kesemua tenaga pengajar yang terlibat dengan responden kajian terdiri daripada empat peringkat umur. Daripada 46 orang guru, hanya dua orang (4.3%) yang berumur kurang dari 25 tahun dalam peringkat pertama, manakala peringkat kedua dari umur 25 tahun hingga 35 tahun iaitu seramai dua puluh enam orang (56.5%) dan peringkat ini merupakan peratusan terbesar dalam peringkat umur guru, diikuti dengan peringkat keempat iaitu melebihi 45 tahun iaitu seramai sepuluh orang (21.7%) dan peringkat ketiga antara umur 36 hingga 45 tahun iaitu seramai lapan orang (17.4%). Secara umumnya, dapat dilihat majoriti guru muda yang terlibat dengan p&p *Qirā'āt* adalah antara 25 hingga 35 tahun.

Dari aspek latar belakang tenaga pengajar juga dapat dilihat tahap pengajian mereka iaitu semua guru (100%) berkelulusan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, dan terdapat di kalangan mereka yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengkhususan *Qirā'āt* iaitu (95.7%) dan hanya dua orang (4.3%) tidak memiliki ijazah sarjana muda, daripada empat puluh enam orang, hanya seorang sahaja yang memiliki sijil perguruan iaitu seorang (2.2%), seorang (2.2%) sahaja yang memiliki diploma perguruan, seorang (2.2%) guru sahaja yang memiliki Ijazah Sarjana Muda KPLI dan dua orang (4.3%) pensyarah yang memiliki Sarjana.

Dapatan ini menunjukkan profil responden guru yang melaksanakan pengajaran kurikulum *Qirā'āt* adalah guru muda yang berumur antara 25 hingga 35 tahun dan mempunyai pengalaman kurang daripada sepuluh tahun.

Dan dari aspek anugerah yang pernah diperolehi, peratusan terendah bagi guru yang tidak mempunyai sanad iaitu seramai 11 orang (23.9%) berbanding dengan 35 orang (76.1%) yang memiliki sanad (ijazah) bacaan al-Quran *riwāyah* Hafṣ ‘an ‘Āsim dan terdapat juga di kalangan guru yang memiliki sanad (ijazah) bacaan al-Quran riwayat Hafṣ ‘an ‘Āsim iaitu (selain riwayat Hafṣ ‘an ‘Āsim iaitu seramai 19 orang (54.3%).

Kesimpulan daripada dapatan profil responden yang terlibat dengan pendidikan *Qirā'āt* secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa guru *Qirā'āt* yang melaksanakan kurikulum *Qirā'āt* menunjukkan lelaki lebih ramai berbanding dengan perempuan, walaupun sebahagian besar di kalangan guru mempunyai pengalaman baru iaitu kurang 10 tahun dalam bidang p&p *Qirā'āt* dan berusia muda sekitar umur 25 hingga 35, tetapi mereka mempunyai kelayakan yang sesuai dengan bidang serta mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan *Qirā'āt*. Walau bagaimana pun terdapat sedikit kekurangan kerana masih ramai yang tidak memiliki ikhtisas perguruan yang boleh menjadikan p&p *Qirā'āt* lebih menarik dan sistematik.


## 5.2 Kebolehpercayaan Analisis

Menurut Pallant (2001), dalam Noraini Idris (2010), nilai indeks alpha sebanyak .7 atau ke atas adalah baik untuk skala instrumen yang mempunyai sepuluh item atau lebih item. Manakala nilai alpha sebanyak .5 pula dianggap baik untuk skala instrumen yang mempunyai kurang daripada sepuluh item. Hasil kajian rintis yang dijalankan oleh penyelidik menunjukkan bahawa koeffisien kebolehpercayaan bagi keseluruhan soal selidik pelajar ialah .93. Dan bagi semua item-item keberkesanan kurikulum Qirā'āt melebihi  $>.9$ . Ini menunjukkan satu koeffisien kebolehpercayaan yang berada dalam tahap tinggi di dalam menilai persepsi pelajar terhadap keberkesanan kurikulum Qirā'āt.

## 5.3 Analisis Amalan Pengajaran dalam P&P Qirā'āt ‘Ilm

Amalan Pengajaran dalam p&p Qirā'āt mempunyai tiga elemen penting daripada perspektif guru iaitu kaedah p&p Qirā'āt ‘Ilm, aktiviti p&p Qirā'āt ‘Ilm dan kekerapan penggunaan ABM.

Rajah 2: Analisis Amalan Pengajaran Qirā'āt ‘Ilm



Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Dapatan menunjukkan bahawa analisis kesemua amalan pengajaran Qirā'āt ‘Ilm ketika proses p&p mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi iaitu ( $\text{min} = 3.89$ ;  $\text{sp} = 0.70$ ). Walau bagaimanapun kaedah Qirā'āt ‘Ilm menunjukkan di tahap tinggi iaitu memuaskan ( $\text{min} = 4.40$ ;  $\text{sp} = 0.53$ ) serta aktiviti Qirā'āt ‘Ilm juga di tahap memuaskan iaitu ( $\text{min} = 4.11$ ;  $\text{sp} = 0.66$ ) berbanding dengan kekerapan penggunaan ABM yang berada di tahap kurang memuaskan iaitu ( $\text{min} = 2.66$ ;  $\text{sp} = 0.98$ ).

Dapatan menunjukkan keseluruhan item-item kaedah Qirā'āt 'Ilm mengikut persepsi guru berada di tahap yang amat memuaskan iaitu tinggi dalam jadual 3 di bawah. Dapatan kajian menunjukkan guru amat berpuashati dengan kesemua item kaedah-kaedah p&p dalam Qirā'āt 'Ilm yang merangkumi kaedah kuliah dan syarahan, soal jawab, pembentangan, hifz, qirā'āt, soalan spontan, tugasan, membantu pelajar, medium bahasa Melayu, ulangkaji dan penggunaan buku teks. Hasil temu bual juga menunjukkan semua guru amat berpuashati dengan semua item-item dalam soal selidik kaedah Qirā'āt 'Ilm ini diamalkan dalam kelas serta berpendapat bahawa kaedah hifz tidak diwajibkan ke atas seluruh matan *qirā'āt* dalam *bayt-bayt* matan yang terdapat silihbus Kurikulum Qirā'āt 'Ilm kerana disebabkankekangan masa p&p. Ini juga di sokong dengan hasil pemerhatian menuujukkan bahawa kaedah yang paling kerap diamalkan ialah kaedah kuliah dan syarahan dalam bahasa Arab, kaedah membaca matan dan pensyarah menyuruh semua pelajar bersama-sama mengikut pensyarah membaca matan secara serentak, kaedah menerangkan manhaj-manhaj imam *qirā'āt* dalam bahasa Melayu, kaedah soaljawab matan dan sharah dalam kitab secara spontan untuk menguji kefahaman pelajar.

Jadual 3: Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kaedah P&P  
Qirā'āt 'Ilm dari Persepsi Guru

Kaedah P&P Qirā'āt 'Ilm	TP	JJ	KK	K	AK	Min	S.P	Interpreta si
Kaedah kuliah dan syarahan dalam pengajaran <i>qirā'āt</i>	0	0	0	26	20	4.43	0.50	Tinggi
	0%	0%	0%	56.5%	43.5%			
Kaedah soal jawab dalam pengajaran <i>qirā'āt</i>	0	0	0	22	24	4.52	0.50	Tinggi
	0%	0%	0%	47.8%	52.2%			
Kaedah pembentangan	0	0	0	22	24	4.52	0.50	Tinggi
	0%	0%	0%	47.8%	52.2%			
Meminta pelajar menghafaz matan-matan <i>qirā'āt</i>	0	0	0	21	25	4.54	0.50	Tinggi
	0%	0%	0%	45.7%	54.3%			
sering membuat soalan-soalan matan dan sharah dalam kitab secara spontan untuk menguji kefahaman pelajar	0	0	1	25	20	4.41	0.54	Tinggi
	0%	0%	2.2%	54.3%	43.5%			
Memberi tugasan seperti	0	0	0	26	20	4.43	0.50	Tinggi

kerja kursus dan perbincangan dalam kumpulan	0%	0%	0%	56.5%	43.5%			
Membantu pelajar memahami maksud <i>matan</i> dan <i>sharah</i> dalam p&p	0	0	0	21	25	4.54	0.50	Tinggi
Meminta pelajar membuat ulangkaji <i>matan-matan qirā'at</i> yang akan dipelajari akan datang selepas p&p	0	0	2	26	18	4.34	0.56	Tinggi
Saya menggunakan buku teks di dalam p&p <i>qirā'at</i>	0	0	1	27	18	4.36	0.53	Tinggi
Saya melakar dan melukis untuk menerangkan makna perkataan <i>qirā'at</i>	0	1	6	25	14	4.13	0.71	Tinggi
Saya menggunakan medium Bahasa Melayu di dalam proses menerangkan <i>sharah matan</i>	0	0	1	31	14	4.28	0.50	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>				<b>4.40</b>	<b>0.53</b>			<b>Tinggi</b>

---

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Manakala hasil daptan dalam jadual 4 di bawah menunjukkan persetujuan guru terhadap aktiviti Qirā'āt ‘Ilm yang berada di tahap tinggi yang merangkumi item-item perasaan seronok, ketepatan waktu hadir, lakaran peta minda, sharah, perbincangan, latihan, rumusan, soal jawab, peluag sama, bahasa mudah serta jelas dan tugasan tajuk-tajuk p&p akan datang. Hasil temu bual juga menunjukkan bahawa semua item-item aktiviti yang paling kerap diamalkan ketika sesi p&p Qirā'āt ‘Ilm diadakan ialah aktiviti sharah matan, sharah rumūz -ifrād dan jama’, penggunaan Bahasa yang mudah dan jelas, tugasan, *tasmī*’ hafazan matan tetapi mengikut keadaan serta kemampuan pelajar. Hasil pemerhatian juga menunjukkan kesemua aktiviti-aktiviti yang paling popular digunaan oleh para pensyarah dalam proses p&p Qirā'āt ‘Ilm.

Jadual 4: Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Aktiviti P&P  
 Qirā'at 'Ilm dari Persepsi Guru

Aktiviti P&P Qiraat 'Ilm	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya sangat seronok dengan waktu p&p <i>qirā'at</i> yang ditetapkan	0 0%	1 2.2%	9 19.6%	24 52.2%	12 26.1%	4.02	0.74	Tinggi
Saya selalu hadir pada waktu yang ditetapkan	0 0%	0 0%	3 6.5%	31 67.4%	12 26.1%	4.19	0.54	Tinggi
Saya jarang sekali membuat lakaran peta minda semasa kelas <i>qirā'at</i>	2 4.3%	12 26.1%	17 37.0%	11 23.9%	4 8.7%	3.06	1.01	Sederhana Tinggi
Saya sering menerangkan <i>rumūz ifrād</i> dan <i>rumūz jama'</i> dalam matan kepada pelajar	0 0%	0 0%	3 6%	26 56.5%	17 37.0%	4.30	0.59	Tinggi
Saya sering mengadakan aktiviti perbincangan secara <i>halaqah</i>	0 0%	1 2.2%	5 10.9%	25 54.3%	15 32.6%	4.17	0.70	Tinggi
Saya sering menyuruh pelajar membuat latihan di dalam kelas	0 0%	3 6.5%	4 8.7%	25 54.3%	14 30.4%	4.08	0.81	Tinggi
Saya sering membuat rumusan dan kesimpulan bentuk-bentuk bacaan <i>qirā'at</i> yang digunakan mengikut imam dan <i>rāwī-rāwīnya</i>	1 2.2%	0 0%	4 8.7%	23 50%	18 39.1%	4.23	0.79	Tinggi
Saya sering mengemukakan soal jawab di dalam kelas	0 0%	0 0%	1 2.2%	27 58.7%	18 39.1%	4.36	0.53	Tinggi

Saya selalu memberi peluang kepada semua pelajar untuk mengemukakan idea semasa dalam kelas <i>qirā'at</i>	0 0%	0 0%	7 15.2%	30 65.2%	9 19.6%	4.04	0.59	Tinggi
Saya menggunakan bahasa yang mudah dan jelas di dalam p&p <i>qirā'at</i>	0 0%	0 0%	1 2.2%	24 52.2%	21 45.7%	4.43	0.54	Tinggi
Saya akan memberi tugas tajuk p&p yang akan datang untuk persediaan pelajar	0 0%	1 2.2%	5 10.9%	29 63%	11 23.9%	4.08	0.66	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>								<b>4.11 0.66 Tinggi</b>

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Jadual 5: Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kekerapan Penggunaan ABM dari Persepsi Guru

Kekerapan Penggunaan ABM	TP	JJ	KK	K	AK	Min	S.P	Interpretasi
Buku	0	2	3	8	33	4.56	0.80	Tinggi
Teks/Rujukan	0%	4.3%	6.5%	17.4%	71.7%			
Radio/ Televisyen	35 76.1%	6 13.0%	5 10.9%	0 0%	0 0%	1.34	0.67	Rendah
Kaset Rakaman/ Perisian <i>Qirā'at</i>	17 37.0%	6 13.0%	20 43.5%	2 4.3%	1 2.2%	2.21	1.07	Sederhana Rendah
Komputer/ LCD/ OHP	12 26.1%	10 21.7%	16 34.8%	5 10.9%	3 6.5%	2.50	1.18	Sederhana Rendah
Jaringan Internet	20 43.5%	6 13.0%	14 30.4%	4 8.7%	2 4.3%	2.17	1.21	Sederhana Rendah
Kad Imbasan/ Kad Manila	31 67.4%	8 17.4%	6 13.0%	0 0%	1 2.2%	1.52	0.88	Rendah
Papan Tulis	2 4.3%	2 4.3%	3 6.5%	9 19.6%	30 65.2%	4.36	1.08	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>								<b>2.66 0.98 Sederhana Rendah</b>

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-1 April 2014

Jadual 5 di atas menunjukkan bahawa keseluruhan item-item kekerapan penggunaan ABM berada di tahap sederhana rendah. Hanya terdapat dua item yang berada di tahap memuaskan iaitu penggunaan buku teks serta buku rujukan dan papan putih dalam p&p Qirā'āt ‘Ilm berbanding dengan penggunaan ABM lain.

## **6.0 DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan analisis keseluruhan dapatan yang telah dikemukakan oleh responden, maka beberapa dapatan telah dapat dapat dihasilkan dalam kajian ini iaitu:

- 1) Profil guru menunjukkan mereka mempunyai latarbelakang pendidikan *qirā'āt* yang sangat kukuh iaitu dalam bidang pengkhususan dalam bidang *qirā'āt* di Timur Tengah ditambah dengan majoriti pensyarah mempunyai anugerah sanad dalam *qirā'āt* dan hasil dapatan juga menunjukkan hanya minoriti yang memiliki ikhtisas perguruan.
- 2) Persepsi pensyarah terhadap keseluruhan amalan pengajaran Qirā'āt ‘Ilm dalam proses p&p merangkumi ketiga-tiga elemen iaitu kaedah, aktiviti dan penggunaan ABM berada pada tahap yang sederhana tinggi. Ini disokong dengan kajian (Zainora, 2014), menjelaskan persepsi pelajar dalam aspek hasil pembelajaran pelajar terhadap item memahami asas kaedah Qirā'āt Sab’ah, mahir membezakan bacaan Usul Qirā'āt dengan Farshy Huruf, menguasai istilah-istilah penting dalam pengajaran Qirā'āt dan menghafaz matan-matan Qirā'āt Shat̄biyyah dengan baik berada di tahap sederhana.
- 3) Hasil dapatan elemen kaedah dan aktiviti dalam p&p Qirā'āt ‘Ilm berada di tahap memuaskan berbanding dengan elemen kekerapan penggunaan ABM dalam proses p&p berada di tahap kurang memuaskan.
- 4) Hasil temubual juga menyokong bahawa amalan yang paling kerap digunakan di dalam p&p Qirā'āt ‘Ilm ialah item meminta pelajar menghafaz matan-matan *qirā'āt*, kaedah soal jawab, kaedah pembentangan dan kaedah kuliah dan syaranan.
- 5) Di dalam elemen aktiviti-aktiviti Qirā'āt ‘Ilm menunjukkan item penggunaan bahasa yang mudah dan jelas di dalam p&p *qirā'āt* yang paling tinggi.

- 6) Item penggunaan buku teks atau buku rujukan merupakan item yang paling tinggi dalam kekerapan penggunaan ABM dalam p&p Qirā'at 'Ilm. Ini dibuktikan lagi (Zainora Daud, 2012), dengan hasil dapatan bahawa penggunaan makmal al-Quran berada pada tahap kurang memuaskan dan penggunaan kaset dan VCD berada pada tahap yang tidak memuaskan penggunaan kaset dan VCD berada pada tahap yang rendah.

## **7.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Dapatan kajian persepsi guru terhadap amalan pengajaran dalam p&p Qirā'at 'Ilm yang merangkumi kaedah, aktiviti serta kekerapan penggunaan ABM berada di tahap sederhana tinggi.

Walau bagaimanapun kaedah dan aktiviti yang diamalkan berada di tahap memuaskan dan ini disokong dengan hasil temu bual dan pemerhatian.

Manakala aspek kekerapan penggunaan ABM masih di tahap sederhana rendah lebih-lebih lagi penggunaan ABM yang berbentuk elektronik serta multimedia yang perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan lagi minat dan perhatian para pelajar dalam p&p Qirā'at 'Ilm .

Antara cadangan-cadangan adalah seperti berikut:

- 1) Pihak JAKIM dan DQ perlu meningkatkan kemudahan infrastruktur dan prasarana dalam kelas pengajian seperti kelengkapan bilik kuliah, makmal komputer dan makmal al-Qur'an yang kondusif dalam keadaan yang terkawal dengan pemantauan dan penyelenggaraan secara berkala.
- 2) Pihak JAKIM dan DQ juga perlu menyediakan latihan, kursus dan bengkel (jangka panjang atau jangka pendek) memberi maklumat-maklumat perguruan terutama aspek p&p.
- 3) Pensyarah juga perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dengan membuat penyelidikan dan kajian terhadap pelaksanaan kurikulum *qirā'at*.

## **RUJUKAN**

### Al-Quran

Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: UKM.

Abd Rahman Abd Ghani, Zainora et al., (2012). Kurikulum Pengajian dan Permasalahan Qirā'āt di KUIS: Kajian di Jabatan Tahfiz al-Qur'an dan al-Qiraat dalam *Jurnal Pengajian Islam, Unit Pembangunan dan Penyelidikan*, Akademi Islam KUIS.

Abd Rahman Abd Ghani, Zainora et al., (2010). *Prosiding Seminar Keb.Penyelidikan dan Pendidikan Qirā'āt, Jabatan Tahfiz al-Qur'an dan al-Qiraat*, KUIS, Bangi, Selangor (24-25 Disember 2010).

Al-Jazarī, Abī al-Khayr Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yūsuf al-Dimashqī Ibn, (1423H/2002M). Al-Nashr fī al-Qirā'āt al-‘Ashr. Jilid 1. Dār al-Kutub al-‘Ilm yyah.

Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdullah, (1972). Manahil al-‘Irfan fi ‘Ulum al-Qur'an. Kaherah :Maktabah ‘Isa al-Bab al-Halabi.

Cohen, L. & Manion, L. (1989). *Research Methods in Education* (3<sup>rd</sup> ed). London: Routledge.

Darul Quran (2005). Sejarah Darul Quran. Unit Perhubungan, Darul Quran.

Darul Quran (2007). Kurikulum Diploma Tahfiz al-Qur'an dan al-Qiraat, Unit Kurikulum Darul Quran.

Darul Quran (2010). Keputusan Peperiksaan Darul Quran (2010). Unit Peperiksaan, Bahagian Akademi, Darul Quran.

Darul Quran (2012). Kurikulum Diploma Tahfiz al-Qur'an dan al-Qiraat, Unit Kurikulum Darul Quran.

Ibn al-Jazari al-Imam al-Hafiz Abu Khayr al-Dimashqi Muhammad bin Muhammad, (1400H/1980M), Munjid al-Muqri' in wa Murshid al-Talibin, Kaherah:Maktabat al-Qudsi.

Mohd Majid Konting, (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. DBP: Kuala Lumpur.

Mohd Yusuf Ahmad, (2005). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia Sdn. Bhd).

Stufflebeam, Daniel L, (1971). The Relevance of The CIPP Evaluation Model for Educational Accountability. Ohio State University: Columbus.

Zainora Daud & Mustaffa Abdullah, (2014). Keberkesanan Kurikulum Qirā'āt Di Kalangan Pelajar Darul Quran: Satu Tinjauan Awal dalam *E – Journal Of Arabic Studies And Islamic Civilization* (E-ISSN: 2289 – 6759).

Zainora Daud, Muhammad Fairuz A.Adi & Mustaffa Abdullah, (2012). Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pengajian Qirā'āt Di Jabatan Al-Quran Dan Al-Qirā'āt , Kuis: Satu Tinjauan Awal, Prosiding ICEARIALE International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 1st – 2nd June 2012 Elaf Kinda Hotel, Mecca.

Zainora Daud, Don Daniyal Don Biyajid et. al., (2011). Tahap Pemahaman Pelajar-pelajar Jabatan Tahfiz al-Qur'an dan al-Qiraat, KUIS Terhadap Matan Shatibi: Satu Kajian dalam Jurnal Qirā'āt, Pusat Pembangunan Penyelidikan:KUIS.